

Pengarah Pertahanan Awam Negeri Johor, Mat Zin Bujang (tengah) melawat mangsa banjir di Dewan Raya Kampung Kolam Air, Simpang Renggam, semalam.



Air 17 sungai, empangan 8 negeri cecah paras bahaya

» Taburan hujan luar biasa tingkat risiko berlaku banjir besar

Oleh Mohd Hamizar Hamid, Norakmah Mat Youb dan Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Tujuh belas sungai dan empangan di lapan negeri merekodkan paras air hampir mencecah paras bahaya sehingga jam 5 petang semalam. Perangkaan laman web Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menunjukkan kawasan terbahit ialah Empangan Sungai Tinggi dan Empangan Selangor di Selangor; Empangan Padang Saga

di Kedah serta Empangan Timah Tasoh di Perlis. Kawasan lain yang turut menunjukkan peningkatan paras air adalah Sungai Pasang Api di Bagin Datoh dan Sungai Perak di Kampung Gajah, Perak; Sungai Jelai di Kuala Medang, Pahang; Empangan Pergau di Kelantan serta Sungai Kuamut, Sungai Johor dan Sungai Muar di Johor serta Sungai Sook di Biah, Sabah. Pengarah Bahagian Sumber Air dan Hidrologi JPS, Datuk Hanapi Mohamad Noor (**gambar**), berkata banjir besar mungkin berlaku di enam kawasan di Kelantan dalam masa terdekat sekiranya taburan hujan berterusan dalam tempoh 10 hari.

Kawasan rendah berisiko
Beliau berkata, ramalan ia berdasarkan kepada baki hampir 50 peratus taburan hujan tahunan yang patut diterima kawasan Pantai Timur Semenanjung.



"Kebiasaannya banjir di Malaysia berlaku pada akhir dan awal tahun ketika musim Monsun Timur Laut iaitu antara November hingga Mac di Kelantan, Terengganu dan Pahang manakala di Sabah dan Sarawak pada awal tahun. "Pada tahun ini, berdasarkan taburan purata hujan tahunan, kawasan pantai timur Semenanjung, hujan masih berbaki kira-kira 50 peratus dan sekiranya ber-

terusan hujan, banjir yang agak besar akan berlaku. "Sebagai contoh, pada Disember lalu, kawasan hulu Sungai Kelantan menerima hampir 2,000 mililiter hujan dalam tempoh 10 hari dan ia mewakili 60 peratus purata hujan tahunan yang mengakibatkan banjir besar di kawasan lembangan Sungai Kelantan seperti Gua Musang, Dabong, Kuala Krai, Machang, Tanah Merah dan Kota Bharu," katanya kepada BH, semalam. Sementara itu, Hanapi berkata, kawasan berisiko banjir adalah kawasan rendah di sepanjang sungai utama yang besar seperti Sungai Kelantan, Sungai Dungun, Sungai Kemaman, Sungai Pahang, Sungai Johor, Sungai Muar, Sungai Perak dan Sungai Kerian. Beliau berkata, setakat ini Monsun Timur Laut masih membawa curahan hujan yang banyak. "Pada masa ini, walaupun semua sungai utama yang dipantau

JPS melebihi paras normal, masih berada di bawah paras amaran. "JPS pada masa ini sedang memantau 24 jam curahan hujan dan paras air sungai melalui 450 stesen hidrologi telemetri yang memberi maklumat secara atas talian membabitkan 72 sungai utama di Malaysia. "Ia membolehkan JPS membuat ramalan dan amaran awal sebelum banjir. JPS memberi tumpuan terhadap sungai besar kerana sekiranya banjir berlaku akibat limpahan sungai, kesannya sangat buruk terhadap mangsa serta kemusnahan harta benda," katanya. Hanapi berkata, JPS juga mengambil inisiatif menambah baik sistem sebaran maklumat amaran awal banjir kepada penduduk menerusi laman sosial dan secara konvensional bagi mengurangkan kemalangan jiwa dan kemusnahan harta benda. "Bagi tujuan ini, kami (JPS) bekerjasama rapat dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) yang ditubuhkan kerajaan baru-baru ini," katanya.

5 pusat pemindahan dibuka
Beliau turut berkata, projek tebatan banjir yang dilaksanakan JPS masih belum siap sepenuhnya dan kini dilaksanakan secara berperingkat bergantung kepada peruntukan yang diluluskan. "Sebagai contoh dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) sebanyak 133 daripada 187 berjaya disiapkan manakala baki projek yang masih belum siap akan diteruskan dalam RMKe-11 nanti," katanya. Di Simpang Renggam, seramai 211 orang membabitkan 49 keluarga ditempatkan di lima pusat pemindahan sementara susulan banjir yang melanda beberapa kawasan. Pegawai Daerah Kluang, Mohd Fuad Radzuan, berkata jumlah mangsa dipindahkan semakin meningkat berbanding 190 orang dipindahkan awal pagi kelmarin. Setakat ini, pusat pemindahan sementara di Balai Raya Kampung Palembang menempatkan 75 orang daripada 15 keluarga, manakala Dewan Orang Ramai Kampung Kolam Air menempatkan 62 orang daripada 12 keluarga.



Mangsa banjir, Khamis Ismail (kanan) bersama Fairuz Nizam Husin menyelamatkan kucing peliharaan di rumah mereka, di Kampung Kolam Air, Simpang Renggam. [FOTO MOHD AZREN JAMALUDIN/BH]



Siti Rahimah Esak melihat keadaan rumahnya selepas dilanda banjir kilat di Kampung Paya Palembang, Simpang Renggam.